


# Pensyarah saman NC kes luar biasa

Kosmo 13/4/2010 2:1

Oleh NOR SHAFAWATI YUP  
@kosmo.com.my

**KUALA LUMPUR** – Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin (**gambar**) menganggap kes saman melibatkan pensyarah Universiti Utara Malaysia (UUM) dan Naib Canselornya (NC) satu kes terencil tetapi sesuatu yang luar biasa.



Menurutnya, tindakan pensyarah tersebut memfailkan saman kerana tidak berpuas hati dengan sistem kenaikan pangkat biasanya ada kaitan dengan elemen peribadi.

“Hari-hari ada keputusan untuk kenaikan pangkat, tetapi tiada pula yang menyaman universiti berhubung perkara ini.

“Jawatan yang ditawarkan bagi setiap permohonan biasanya sedikit berbanding jumlah permohonan yang banyak, jadi ramai yang

Dakwa wujud konspirasi gagalan permohonan pangkat di UUM

## Pensyarah saman Naib Canselor

**SEKUTUP** Seorang pensyarah di Universiti Utara Malaysia (UUM) memfailkan saman terhadap Naib Canselor (NC) kerana gagal menaikkan pangkatnya. Beliau mendakwa wujud konspirasi gagalan permohonan pangkat di UUM.

Menurut beliau, beliau telah bekerja di UUM selama 20 tahun dan telah memenuhi semua syarat untuk kenaikan pangkat. Namun, permohonan beliau ditolak oleh NC. Beliau mendakwa NC telah melakukan konspirasi dengan beberapa pegawai lain untuk menghalang beliau daripada dinaikkan pangkat.

Beliau mendakwa NC telah melakukan konspirasi dengan beberapa pegawai lain untuk menghalang beliau daripada dinaikkan pangkat. Beliau mendakwa NC telah melakukan konspirasi dengan beberapa pegawai lain untuk menghalang beliau daripada dinaikkan pangkat.



**KERATAN Kosmo!** semalam.

tidak berpeluang mendapat kenaikan pangkat,” katanya selepas merasmikan Pusat Penyelidikan Bio Keselamatan Tahap Dua dan Tiga, Fakulti Perubatan, Universiti Malaya (UM) di sini semalam.

Beliau berkata demikian ketika mengulas tindakan seorang pensyarah di Fakulti Sains Kognitif dan Pendidikan UUM, Dr. Abdul Halim Mohamed yang memfailkan saman terhadap Naib Canselor UUM, Tan Sri Dr. Nordin Kardi kerana didakwa melakukan konspirasi sehingga menyebabkan beliau gagal dinaikkan pangkat.

Peguam pensyarah tersebut, Fadli Shuaib memaklumkan bahawa hasil kaji selidik dengan penguurusan UUM mendapati kenaikan pangkatnya ditolak kerana Nordin tidak menyukai tingkah laku plain-tif.

“Biarlah perkara ini diselesaikan di mahkamah kerana ia melibatkan personaliti kedua-dua pihak,” tambahnya.

Sementara itu, pada majlis terdahulu, Khaled memberitahu, kerajaan menyalurkan dana sebanyak RM10 juta kepada Pusat Penyelidikan Bio Keselamatan Tahap Dua dan Tiga bagi mencari rawatan penyakit berjangkit di negara ini yang masih belum ada penawar.

Menurut beliau, dana tersebut akan membolehkan pusat tersebut menjalankan kajian terperinci dan mencari penawar terhadap penyakit seperti virus nipah, denggi, influenza A

(H1N1) dan chikungunya.

“Saya difahamkan, ketika ini kajian mengenai virus nipah, H1N1 dan denggi sedang giat dijalankan dan semua ini perlu dibuat sebagai usaha menangani serta mencari ubat atau vaksin yang dapat menjadi penawar kepada penyakit tersebut,” katanya.



## Info Solat

13 APRIL 2010  
• 28 RABIULAKHIR 1431H



SUBUH • SYURUK • ZUHUR • ASAR • MAGHRIB • ISYAK

K. LUMPUR	5.52	7.09	1.17	4.26	7.21	8.31
SHAH ALAM	5.52	7.09	1.17	4.26	7.21	8.31
SEREMBAN	5.51	7.08	1.15	4.26	7.19	8.29
MELAKA	5.50	7.07	1.14	4.25	7.18	8.28
JOHOR BAHRU	5.44	7.01	1.09	4.19	7.11	8.21
IPOH	5.53	7.08	1.18	4.26	7.23	8.33
P. PINANG	5.55	7.13	1.22	4.28	7.27	8.37
ALOR SETAR	5.54	7.08	1.20	4.26	7.27	8.37